



Sesi Town Hall Majlis Daerah Pekan kali pertama untuk tahun 2020 ini telah berlangsung pada Sabtu, 18 Februari 2020 bertempat di Dewan Dato' Shahbandar Chini, Pekan. Sesi townhall ini adalah khusus untuk penduduk di Cini terutama Taman Lamanda Chini, Taman Chini Permai dan juga Taman Perumahan Dara Chini.

Pada program ini, penduduk berpeluang untuk menyampaikan idea, pandangan, aduan, atau permasalahan untuk dikongsi dan diselesaikan bersama dalam sesi dialog dan soaljawab bersama Yang DiPertua Majlis Daerah Pekan, YH. Dato' Rose Shamsul Bin Abdul Razak., DIMP.,AAP.,AMP. Turut dijemput untuk bersama hadir dalam sesi townhall kali ini adalah ini Pegawai Daerah Pekan, Pegawai Kesihatan Daerah Pekan, Ketua Polis Daerah Pekan, Pegawai dari Ibu Pejabat Felda Wilayah Kuantan, pegawai dari Indah Bandaran Sdn. Bhd., SWCorp serta Alam Flora Sdn. Bhd.

Selain itu, pelbagai aktiviti sampingan menarik telah disusun untuk program sehari ini seperti acara senamrobik, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan masakan, Cabutan bertuah, Hari Bertemu Pelanggan Majlis, taklimat keselamatan yang disampaikan oleh pegawai dari Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan serta pameran keselamatan, taklimat kesihatan terutama isu semasa yang berlaku seperti pencegahan penyakit dan juga kebersihan serta saringan kesihatan yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Kesihatan Daerah Pekan.

Majlis Daerah Pekan menghargai dan mengambil kira semua pandangan, saranan dan idea yang diberikan. Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sesi townhall tersebut.

LAPORAN BERGAMBAR





